



TINDAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)

TARIKH: 23 Jun 2015 (SELASA)

BIL: 10 2014/2015

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.4	Pengerusi mohon supaya skop dan bidang tugas dalam japsu dilihat terutamanya dalam proses perlantikan pemeriksa oleh penyelia yang mempunyai kepentingan peribadi seperti pernah menulis atau menerbitkan dalam bidang yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan pelajar. Ahli japsu di ingatkan supaya memaklumkan kepada staf akademik di fakulti masing-masing iaitu walaupun penyelia berperanan untuk mencadangkan pemeriksa, tetapi penyelia tidak boleh melanggar proses perlantikan sedia ada universiti. Selain itu, ahli japsu juga diminta memastikan agar jarak pengetahuan diantara pemeriksa dengan tajuk penyelidikan tidak terlalu jauh.	<i>Tindakan: Semua TD Fakulti</i>	Fakulti telah mengambil maklum
1.5	Pengerusi memaklumkan sehingga kini UTM mempunyai lebih daripada 200 orang staf akademik yang bergraduan kurang daripada dua tahun dan separuh daripada jumlah ini masih belum menghadiri kursus penyeliaan yang dianjurkan oleh UTM Lead. Ahli mesyuarat diingatkan supaya tidak terus memilih staf akademik ini untuk menjadi pemeriksa kecuali yakin mereka boleh menjalankan tugas dengan baik atau tiada staf lain yang sesuai bagi bidang pelajar.	<i>Tindakan: Semua TD Fakulti</i>	Fakulti telah mengambil maklum

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.6	Mesyuarat dimaklumkan bahawa SPS memantau prestasi penyelia dalam proses menggraduankan pelajar. Jika didapati penyelia tersebut mempunyai rekod memperolehi 3 orang pelajar dengan keputusan C pada peperiksaan lisan, SPS akan memaklumkan kepada Pejabat SRAD untuk menyekat daripada memberikan pelajar baru kepada penyelia tersebut.	<i>Tindakan: SPS, SRAD dan Semua TD Fakulti</i>	Fakulti dan SRAD telah mengambil maklum SPS telah mengenalpasti seorang penyelia yang telah disekat daripada dilantik sebagai Penyelia Utama pelajar Ph.D yang baharu.
1.7	Pengerusi juga memaklumkan bahawa proses kerja pengurusan viva sedia ada agak kompleks dan ahli mesyuarat diminta melihatnya bersama-sama terutamanya bagi pengurusan viva sarjana penyelidikan di fakulti. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa SPS dalam proses memilih fakulti yang mempunyai prestasi baik dalam pengurusan viva untuk diserahkan proses pengurusan viva pelajar Doktor Falsafah tanpa perpindahan staf daripada SPS.	<i>Tindakan: Semua TD Fakulti</i>	Dalam tindakan fakulti
1.10	Pengerusi memaklumkan bahawa SPS dan fakulti perlu mewujudkan polisi bagi pelajar yang aktif bersukan (waktu anjal bagi kuliah pengajian). Polisi ini lebih kepada pelajar yang merupakan atlet negara supaya mereka tidak perlu menanggung pengajian ketika menghadiri kejohanan antarabangsa yang lazimnya mengambil masa yang panjang.	<i>Tindakan: Fakulti dan SPS</i>	Dalam tindakan fakulti dan SPS
2.1	Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah Universiti Bil. 9/2014/2015 dengan pembetulan seperti berikut: Dr. Hasrinah binti Hasbullah – Fakulti Kejuruteraan Petroleum dan Tenaga diPerbaharui	<i>Tindakan : Urusetia</i>	Selesai

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	Pembetulan ayat 10.1 Mesyuarat dimaklumkan berhubung ketiadaan petugas pada hari Info Day UTM. SRAD diminta untuk memaklumkan perkara ini kepada dekan fakulti yang tiada petugas. Selain itu, mesyuarat juga diminta agar tidak mengambil petugas yang ada kelas SPACE di masa hadapan. 10.2 AMD diminta untuk memberi format <i>slide</i> taklimat pendaftaran kursus untuk pelajar baru pada semester akan datang.		
12.0	HAL-HAL LAIN Pengerusi mengingatkan fakulti agar menghantar dokumen bagi pencalonan Notis Hantar Tesis kepada SPS mengikut masa seperti yang telah ditetapkan supaya urusan pemilihan panel dapat disemak oleh SPS lebih awal sebelum mesyuarat berlangsung.	<i>Tindakan : Semua Fakulti</i>	Fakulti telah mengambil maklum